

Laporan Riset

Interpretasi Istilah Mandi dalam Entelah (Teka-teki) di Masyarakat Suku Dayak Iban

Patricia anak Ganing*, Rosliah Kiting

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Info Artikel

Sejarah artikel:

Dikirim 18 Mei 2018

Direvisi 18 Juli 2018

Diterima 28 Oktober 2018

Kata Kunci:

Interpretasi

Istilah

Mandi

Entelah

Dayak

Abstrak

Menafsirkan atau menginterpretasikan istilah yang terkandung dalam satu *entelah* atau disebut teka-teki di masyarakat suku Dayak, Iban, salah satu pecahan suku Dayak ini memiliki keunikan tersendiri. Setiap *entelah* mengandung makna tersendiri, dan *entelah* ini dikhususkan pada hal-hal yang berkaitan dengan istilah-istilah yang dilakukan saat dan untuk upacara mandi yang ada di Iban.

© 2019 Komunitas Studi Kultural Indonesia. Diterbitkan oleh An1image. All rights reserved.

Pengenalan

Negeri Sarawak atau Bumi Kenyalang merupakan salah satu negeri yang terbesar di Malaysia serta mempunyai pelbagai suku kaum *peribumi*. Suku kaum *peribumi* ini menganut pelbagai agama, kepercayaan, adat *resam* serta budaya masing-masing. Suku kaum di Sarawak juga terdiri daripada tiga suku kaum Dayak, *iaitu* Dayak Iban, Dayak Bidayuh dan Orang Ulu.

Dialek yang dituturkan oleh suku *peribumi* di Sarawak juga *berbeza-beza* mengikut daerah-daerah kediaman mereka di kawasan pedalaman. Manakala etnik *majoriti* yang menetap di negeri Sarawak ialah masyarakat Iban. Pada zaman dahulu, pihak penjajah turut mengenali masyarakat Iban sebagai Dayak laut.

Menurut Erik Jensen (15:1974) [1], *to the outside world the Iban were first know as Sea Dyaks. The word "dyak" or Dayak" has been widely used, in particular by a Dutch colonial administration in East Indies, to signify any non- Malay native.*

Selain itu, perkataan Iban juga dipercayai berasal daripada etnik Kayan. Menurut Hart Everett (1896) dalam Erik Jensen (1974:16) [1], masyarakat Kayan biasanya menggelar Dayak Laut sebagai "Ivan" di kalangan mereka. Namun apabila Dayak laut menyebut kembali perkataan tersebut, bunyi V dalam Bahasa Kayan tersebut telah disingkirkan. Mereka menyebutnya kembali sebagai "Iban". Oleh itu, muncullah perkataan Iban untuk menggantikan gelaran Dayak laut.

Manakala dalam kalangan masyarakat Iban sendiri, perkataan Iban merujuk kepada tiga perkara, *iaitu* pertama untuk menunjukkan *perbezaan* mereka berbanding *Land Dayak*, Kayan, Melayu dan sebagainya. Kedua adalah untuk *membezakan* mereka dengan bomoh atau *shaman (manang)*. Penggunaan perkataan Iban yang ketiga pula adalah merujuk kepada 'orang'. Misalnya, orang itu abang saya (*Orang nya aka aku*).

Menurut Mckinley dalam Sutlive (1978:1) [2], *Iban means human and the name bearers are proud of it. Equally to be expected, the Iban have considered*


Peneliti koresponden: Patricia ak Ganing, patricia.ganing@gmail.comUniversiti Pendidikan Sultan Idris Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Malaysia.

members of other ethnic group as less than human because of their differences. Pernyataan tersebut bermaksud bahawa Iban adalah manusia dan sesiapa yang dipanggil Iban sangat berbangga dengan gelaran itu. Selain itu, Iban juga bermaksud penggembara. Mereka berpindah randah untuk aktiviti penanaman padi huma, memburu, memancing dan ngayau. *Iban also mean wanderer. For centuries they have moved through the hills of Borneo, farming dry rice, gathering, hunting and fishing, expending in territory as well as numbers* (Sutlive, 1978:2) [2].

Selain daripada menjadi etnik *majoriti* yang tinggal di Sarawak, masyarakat Iban juga memiliki khazanah *sastera* lisannya yang tersendiri. *Sastera* lisan Iban ini dituturkan secara lisan oleh penutur yang terdiri daripada dalam kalangan masyarakat Iban tersendiri. Tradisi penuturan tersebut ada yang masih aktif dan ada yang pasif (Sukatman 2009:3) [3]. Ia disampaikan secara lisan atau dipertuturkan dan diperturunkan (diwarisi) dari generasi ke generasi berikutnya dan menjadi milik bersama sesuatu masyarakat.

Sastera lisan masyarakat Iban yang masih diwarisi sehingga kini ialah *entelah*. *Entelah* adalah istilah yang digunakan oleh masyarakat Iban yang merujuk kepada teka-teki dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa bidayah Serian *entelah* dikenali sebagai “*sanda berpakau*”.

Tun Jugah (2011) [4] turut mendefinisikan mengenali *entelah* sebagai *lalai*. *Lalai* bermaksud menyembunyikan sesuatu. Oleh yang demikian, *entelah* dan *lalai* mempunyai maksud yang sama, iaitu merujuk kepada suatu karya *sastera* yang menyembunyikan sesuatu perkara melalui pembayang-pembayang tertentu. *Entelah* Iban mempunyai struktur *fizikal* yang *berbeza* berbanding teka-teki bangsa lain. Berikut merupakan rajah (citra 1) yang menerangkan struktur *entelah* Iban:



Citra 1. Struktur *Fizikal Entelah*. Sumber: Patricia Ganing (2016)

Citra 1 tersebut menerangkan bahawa *entelah* Iban mengandungi kandungan pernyataan (*suar*), tempat (*menua*), pembayang (*ulu lungga*) dan jawapan (*lalai*). Kesatuan empat elemen ini telah menjadikan *entelah* Iban seolah-olah seperti sebuah cerita pendek yang sangat menarik. Berikut merupakan antara contoh *entelah* yang mengandungi semua elemen seperti pada citra 1:

(E1) *Ngelai lama udah lesi bebadi laya sulai,*

*Dia iya lalu dipelian ka Jaban Manang Matai,
Nya baru ia nyau tau enggau urang ngelayu,
Ka punggai dabong rang Lulung lama udah lesi,
Bebadi laya chundang,
Dia iya lalu dipelian ka Jaban Manang Lambong,
Udah iya dipelian ka Jaban Manang Lambong,
Nya baru iya nyau tau enggau orang ngalu,
Lai nyakai Bujang Sengalang Burung,
Datai ari kebung langit ngeruang.* } kandungan pernyataan

*Menua lama: di ai bereni dalam berenang,
sungai panjang kapar batang* } tempat lama

Ulu lungga: putung tanchut beli Telu } pembayang
Ngelalaika: tekuyung dipuput nyadi kapu } Jawapan

Terjemahan:

Ngelai sudah lama meninggal,
Lalu diadakan upacara jampi oleh Pawang Jaban Matai,
Kemudian dia dapat menyertai perubahan,
Pergi ke tempat orang yang sudah meninggal dunia
Mati kerana kemalangan,
Dia terus dijumpi Pawang Lambong
Sudah dijumpi oleh pawang lambong
Setelah dijumpi oleh pawang Lambong,
Barulah dia dapat menyertai orang membeli barang,
Lai Nyakai Bujang Sengalang Burung,
Datang dari langit.

Tempat lama: di dalam sungai bergelombang dalam,
sungai panjang batang kapar
Pembayang maksud: potongan seluar dibeli Telur
Jawapan: Kulit siput yang dibakar menjadi kapur

Di samping itu, penceritaan yang terkandung dalam *entelah* menggunakan bahasa kiasan yang sangat

menarik. Penceritaan tersebut pula adalah *bertunjukkan* sistem luar karya, *iaitu sosiobudaya* masyarakat Iban. Scott (1972) [5] menyatakan *bahawa*, hasil karya tidak tercipta dalam kekosongan. Hal ini bermakna *sastera* bukan hasil seseorang pengarang sahaja tetapi apa yang lebih penting ialah hakikatnya pengarang juga terikat dengan ruang dan waktu serta bertanggungjawab terhadap masyarakatnya.


Begitulah juga yang berlaku dalam *entelah*. Setiap istilah dianggap membawa konotasi yang bermakna dalam *sosiobudaya* masyarakat Iban. Antara istilah yang kerap diulang dalam *entelah* ialah istilah mandi. Oleh yang demikian, mandi dianggap sebagai tanda yang menginterpretasikan petanda tertentu dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban.

Metode

Dalam penyelidikan ini, kajian dijalankan dengan berorientasikan kerja lapangan untuk mendokumentasikan sejumlah *entelah*. *Entelah* yang telah *didokumensi* seterusnya diterjemahkan kepada Bahasa Melayu agar pembaca selain masyarakat Iban memahami dapat kandungannya *entelah* yang sangat bermakna dan menarik.

Peringkat seterusnya dalam penelitian ini ialah mengaplikasikan teori semiotik *triadik* Peirce untuk menganalisis tanda-tanda yang terdapat dalam *entelah*. Penelitian ini sejajar dengan ungkapan Peirce *bahawa permaknaan* sesuatu tanda adalah bertahap-tahap. Tahap-tahap ini dikenali sebagai tahap pertama (*firstness*), tahap kedua dikenali sebagai tahap kedua (*secondness*) dan tahap yang ketiga (*thirdness*).

Pendekatan semiotik adalah pendekatan yang bertolak daripada pandangan *bahawa* semua yang terdapat dalam karya *sastera* merupakan lambang-lambang atau *kod-kod* yang mempunyai makna tertentu. *Erti* atau makna pula berkaitan dengan sistem yang dianut (Endang & Tarman, 2013:30). *Justeru* itu, penelitian terhadap *entelah* ini adalah berlandaskan model teori berikut:



Citra 2: Model Analisis Tanda, penanda dan Petanda Dalam *Entelah* menurut kefahaman daripada teori Charles Sanders Peirce. Sumber: Patricia Ganing (2016)

Tahap yang pertama (*firstness*) dalam penelitian ini adalah untuk mengenal pasti tanda. Manakala peringkat yang kedua (*secondness*) pula adalah untuk menentukan sama ada objek yang telah dikenal pasti boleh diacukan kepada ikon, indeks atau simbol. Tahap ketiga (*thirdness*) penelitian pengkaji pula adalah *mentafsir* makna pada tanda yang telah dikenal pasti untuk mengetahui petandanya kepada *sosiobudaya* masyarakat Iban khususnya.

Pembahasan

Mandi. Kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Iban, sungai merupakan antara elemen penting yang memengaruhi penempatan mereka. Kehidupan mereka sangat bergantung kepada sungai sebagai laluan utama untuk menghubungkan mereka dengan perkampungan yang lain.

Sungai juga sangat penting kepada mereka untuk *aktiviti* menangkap ikan air tawar, sumber bekalan air bersih dan keperluan lain bagi menjalani kehidupan seharian. Antara kepentingan utama dalam kehidupan masyarakat Iban ialah untuk tujuan mandi. Menurut persuratan perkamusan Melayu, mandi bermaksud bersiram atau *aktiviti* membersihkan badan dengan menggunakan air.

Sejak daripada dahulu lagi, *aktiviti* membersihkan diri atau mandi merupakan perkara wajib yang perlu dilakukan oleh setiap masyarakat Iban. Masyarakat Iban sangat mementingkan kebersihan diri dalam kehidupan seharian mereka.

Malah perlakuan mandi merupakan tingkah laku terpuji dan simbol kerajinan dalam kalangan masyarakat Iban. Oleh kerana itu, setiap rumah panjang wajib memiliki *pendai* atau pengkalan sebagai satu kemudahan untuk penduduk kampung mandi.

Dalam puisi dan mitos-mitos Iban turut diceritakan tentang amalan mandi yang diamalkan oleh dewa dewi ketika datang mengunjungi manusia di Bumi. Masyarakat Iban mempercayai *bahawa* upacara dan ritual penyembahan yang dilakukan, adalah bertujuan untuk menyembah atau menyeru dewa dewi turun ke Bumi untuk *menghulurkan* pertolongan kepada individu yang memerlukannya.

Berikut merupakan citra yang menerangkan *pendai* atau pengkalan yang dimiliki oleh rumah panjang.



Citra 3. Pendai/pengkalan yang harus dimiliki oleh rumah panjang

Dalam kepercayaan mereka, dewa dewi yang turun ke Bumi mesti terlebih dahulu mandi di sungai. Setelah selesai mandi dewa dewi mempersiapkan diri dengan berpakaian tradisional untuk naik ke rumah panjang menghadiri ritual penyembahan atau *begawai*. Oleh kerana itu, amalan dewa dewi ini telah menjadi ikutan masyarakat Iban supaya mandi terlebih dahulu di *pendai* sebelum masuk atau mengunjungi satu rumah panjang. Hal ini bertujuan agar mereka tampil bersih dan kemas.

Mereka juga memercayai bahawa amalan mandi sebelum masuk ke satu rumah panjang merupakan satu cara untuk menyingkirkan *badi* atau petanda atau bunyi burung (*burung jai*) tidak baik yang mereka dengar ketika dalam perjalanan menuju ke rumah panjang tersebut.

Mereka memercayai *bahawa* dengan amalan mandi ini, *badi* atau petanda yang tidak baik tersebut dicuci dan dibuang dalam sungai. Seandainya tindakan mandi tidak dilakukan oleh individu yang mendengar burung atau petanda tidak baik, maka rumah panjang yang dikunjungi akan ditimpa malapetaka.

Oleh kerana kepentingannya, maka perkara tersebut turut *dirakamkan* oleh masyarakat Iban dalam *sastera* lisan mereka. Antara *sastera* lisan masyarakat Iban yang menjadi medium *rakaman* ialah *entelah*. Dalam *entelah* istilah mandi merupakan antara istilah yang kerap diulang.

Dalam teori semiotik telah menyatakan *bahawa* sesuatu istilah yang kerap diulang semestinya mengandungi makna yang tersirat. Dalam kajian ini, sebanyak 22 karya *entelah* menggunakan istilah mandi dalam pelbagai situasi telah diteliti.

Perlakuan mandi ini bagi masyarakat Iban bukan sahaja *mambawa* maksud membersihkan diri menggunakan air, malah mengandungi banyak maksud tersirat yang berkaitan dengan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Iban yang harus dirungkai. Misalnya dalam entelah berikut terdapat penggunaan perkataan mandi dalam kandungan penyataannya:

No.	Entelah	Terjemahan
E2	<p><i>Bansa beketan takut ke kayan sebayan,</i></p> <p><i>Nya ga enggau ia bepangan sama berendam begulai mandi.</i></p> <p><i>Bansa Meruku takut ke antu,</i></p> <p><i>Nya ga enggau iya besulu berimbau gali.</i></p> <p>Ulu Lungga: pintu rumah</p> <p>Ngelalika: Batu pengansah</p>	<p>Bangsa Bektan takut kepada bangsa Kayan, tapi mereka berkawan dan mandi bersama, Bangsa Meruka takut kepada hantu, Namun mereka berkasih tidur bersebelahan.</p> <p>Pembayang: pintu rumah Jawapan: batu asah</p>

Penelitian yang dilakukan terhadap *entelah* E2 berkenaan jelas menerangkan *bahawa* mandi tersebut semata-mata untuk menerangkan perlakuan bangsa Bektan dan bangsa Kayan yang mandi bersama. Namun sebenarnya, perlakuan mandi ini memberikan petanda tertentu dalam kehidupan dan kepercayaan masyarakat Iban.

i.) Memandikan bayi

Dalam teori semiotik Pierce [6], setiap istilah yang kerap diulang dalam sesuatu karya *sastera* dianggap mempunyai petanda. Begitulah juga yang berlaku dalam *entelah* masyarakat Iban.

Istilah mandi adalah antara istilah yang kerap diulang dalam kandungan pernyataan *entelah* Iban. Dalam kajian ini, *skop* ini telah diperluaskan kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan mandi termasuklah memandikan bayi.

Berdasarkan model analisis yang digunakan, mandi adalah tanda manakala penandanya ialah simbol pemberkatan. Petanda yang diinterpretasikan daripada istilah mandi yang sering diulang dalam *entelah* ialah berkaitan dengan upacara memandikan bayi.

Upacara ini berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, upacara memandikan bayi di sungai yang berdekatan dengan rumah panjang adalah satu *kewajiban*.

Bayi yang dimandikan adalah dalam lingkungan berumur 3 bulan hingga setahun. Upacara ini wajib dilaksanakan setiap individu yang berketurunan Iban.

Menurut kepercayaan mereka, upacara ini bertujuan untuk memohon berkat daripada dewa dan penunggu sungai serta persekitarannya supaya menjaga keselamatan bayi tersebut apabila melakukan *aktiviti* di sungai.

Di samping itu, mereka juga memercayai *bahawa* segala roh ikan, labi-labi, buaya dan sebagainya tidak mengganggu bayi tersebut apabila dewasa kelak. Berikut merupakan *entelah* yang mengandungi istilah mandi.

Pada entelah E3, terdapat pernyataan yang menyatakan bahawa Kunchit mandi di sungai dengan harapan akan terjumpa ikan. Pernyataan ini membawa maksud yang berkaitan dengan tujuan untuk memandikan bayi di sungai bagi memohon keberkatan daripada Dewa dan roh-roh yang ada di sungai

Pernyataan pada entelah E2 telah menginterpretasikan kepercayaan masyarakat Iban secara tersirat dan amat memerlukan pemahan pengkaji yang mendalam untuk menganalisis perkaitannya.

Memandikan bayi bagi masyarakat Iban merupakan satu kemestian kerana hal ini dapat mengelakkan anak mereka ditimpa oleh kejadian yang tidak diinginkan semasa berada di kawasan sungai pada suatu hari kelak.

No.	Entelah	Terjemahan
E3.	<p><i>Kunchit Kemali Bujang Mereti,</i></p> <p><i>Mandi di kaki ai deras.</i></p> <p><i>Kebuah iya mandi di kaki ai deras,</i></p> <p><i>Kenu ku iya,</i></p> <p><i>Nyangka tau tetemuka puyu ikan aras.</i></p> <p><i>Kunchit Temiang Bujang Belang,</i></p> <p><i>Mandi di Batang Ai Kepuas</i></p> <p><i>Kebuah iya mandi di Batang Ai Kepuas,</i></p> <p><i>Kenu ku iya,</i></p> <p><i>Nyangka tau tepedaka belida ikan bagas.</i></p> <p><i>Menua lama: Di kedai besai endur kitai betawarka barang.</i></p> <p><i>Di kedai China endur Manager bekiraka utang.</i></p> <p><i>Menua baru: Di rumah teluk dinding ke perenching ngijap bekilat;</i></p> <p><i>Di arus sungai deras ke merempas inggar merepipat.</i></p> <p><i>Ulu Lungga: Ngambis utar.</i></p> <p><i>Ngelalaika: ginti achar</i></p>	<p>Kunchit Kemali Bujang Mereti, mandi di kaki air deras, sebab dia mandi di kaki air deras, kata dia, mungkin boleh terjumpa puyu ikan aras. Kunchit Temiang Bujang Belang, mandi di Batang Ai Kepuas, sebab dia mandi di Batang Air Kepuas, kata dia, mungkin boleh terlihat belida ikan yang elok.</p> <p>Tempat lama: di kedai besar tempat kita menawar barang, di kedai Cina tempat pengurus mengira hutang.</p> <p>Tempat baru: di rumah di sudut dinding yang berkilau-kilauan, di arus sungai deras yang bersinar bising.</p> <p>Pembayang: menghabiskan bekas ubat-ubatan pawang</p> <p>Jawapan: kail yang banyak mata tanpa umpan</p>

Menurut Sandin (1980:66) [7] [8] [9], *The reason for holding the ceremony is that if the child is not bathed in the river with the offerings made to the deities and spirits, it must not be taken by anyone to bathe in any river; since it will not be protected by Sera Gindi and the spirits of fish, turtles and other aquatic creatures from the dangers present in the water.*

Berikut merupakan gambar yang menerangkan upacara memandikan bayi dijalankan:



Citra 4. Upacara memandikan bayi di sungai

Sumber: http://uminsadar.blogspot.my/2012/01/adat-lama-bansa-iban-meri-anak-mit_08.html

Upacara memandikan bayi dimulakan dengan menyediakan *piring* atau persembahan di rumah panjang. Piring adalah disediakan oleh keluarga bayi berkenaan. Selesai *sahaja* upacara miring, bayi tersebut akan didukung oleh ibunya dan diarak sepanjang rumah panjang ke sungai.

Sepanjang perarakan ke sungai, gong dan gendang akan dipukul bertalu-talu bagi mengelakkan rombongan mereka terdengar bunyi burung yang membawa petanda tidak baik. Hal ini kerana bunyi burung yang tidak baik dipercayai membawa petanda *bahawa* bakal berlakunya malapetaka.

Sebaik *sahaja* sampai di sungai yang dituju, *lemambang* (*pemuisi*) akan membaca *biau* (doa) menyeru agar dewa dewi dan juga segala penunggu sungai untuk hadir ke upacara tersebut untuk memberkati bayi yang dimandikan. Selesai membaca *biau*, seekor ayam atau babi akan disembelih di sungai. Manakala bayi tersebut dimandikan bersama

dengan darah babi atau ayam. Dalam upacara ini, individu yang memandikan bayi berkenaan juga bukan dalam kalangan orang kebanyakan malah dipilih berdasarkan kepandaian, kemahiran dan kepintaran yang dimilikinya.

Hal ini kerana, nasib atau kebolehan yang dimiliki oleh individu berkenaan dipercayai turut diperturunkan kepada bayi yang dimandikannya. Apabila selesai segala upacara di sungai, bayi tersebut diarak semula balik ke rumah panjang.

Sejurus *sahaja* sampai di *ruai* keluarga bayi tersebut, ibu dan bayi diarahkan duduk di atas gong. Seterusnya, bayi dan ibunya akan diletakkan kain pua kumbu dikepala untuk upacara *bebiau* (membaca doa) yang seterusnya oleh *lemambang*. Upacara memandikan bayi berakhir dengan menjamu para tetamu yang hadir dengan hidangan sebagai tanda *kesyukuran* pihak keluarga bayi tersebut.

ii.) Memandikan mayat

Selain daripada itu, istilah mandi juga menginterpretasikan petanda untuk upacara memandikan mayat dalam adat isitiadat menguruskan kematian dalam masyarakat Iban.

Secara *logikalnya*, upacara memandikan mayat ini adalah bertujuan untuk membersihkan mayat daripada *sebarang* kotoran. Maka dengan itu, tindakan ini dapat mengelakkan mayat tersebut dijangkiti bakteria dan menyebabkan mayat mudah berbau busuk sebelum upacara pengurusan jenazah.

Lazimnya, masyarakat Iban akan menyimpan mayat di rumah selama tiga malam tiga hari untuk menyelesaikan upacara penghormatan terakhir sementara menunggu ketibaan sanak saudara yang tinggal berjauhan. Oleh yang demikian, tindakan memandikan mayat pada peringkat awal kematiannya adalah sangat penting bagi mengelakkan mayat cepat busuk.

Manakala dari sudut kepercayaan masyarakat Iban pula, tindakan memandikan mayat adalah sebagai simbol penghormatan terhadap si mati. Memandikan mayat seolah-olah mempersiapkan si mati seperti semasa hayat hidupnya untuk suatu perjalanan yang jauh.

Masyarakat Iban memercayai tindakan memandikan mayat supaya roh si mati pergi dengan tenang.

Sekiranya upacara ini tidak dilaksanakan, maka roh si mati akan berada dalam keadaan yang tidak tenang. Perkara ini boleh menyebabkan roh si mati menjadi marah dan boleh menimbulkan malapetaka kepada keluarga dan juga seluruh penduduk kampung.

Malapetaka ini dikenali sebagai *angat* atau panas. Apabila keadaan *angat* ini berlaku, maka tidak mustahil kematian demi kematian akan berlaku secara berterusan di rumah panjang tersebut.

iii.) Mandi selepas menguruskan upacara pengebumian mayat

Tanda-tanda berkaitan dengan perlakuan mandi yang seringkali diungkapkan dalam *entelah* juga membawa petanda-petanda dalam kepercayaan masyarakat Iban *aitu* kewajiban mandi selesai upacara pengebumian mayat.

Dalam konteks ini, mandi adalah tanda yang merepresentasikan penanda penyucian. Manakala penanda penyucian pula menginterpretasikan petanda kepercayaan masyarakat Iban yang berkaitan dengan pengurusan pengebumian mayat.

Pada zaman dahulu, golongan lelaki wajib pergi ke kubur untuk mengebumikan mayat apabila berlakunya kematian di suatu perkampungan. Selesai *sahaja* upacara pengebumian tersebut, mereka akan balik ke rumah panjang dalam satu kumpulan.

Namun demikian, mereka wajib mandi di sungai yang berdekatan sebelum memasuki rumah panjang. Berikut merupakan gambar yang menerangkan tentang upacara pengebumian dalam masyarakat Iban (citra 5).

Dalam kepercayaan tradisional masyarakat Iban, upacara mandi ini bertujuan dijadikan sebagai medium untuk mengelakkan perkara yang buruk berlaku terhadap rumah panjang dan penduduk.



Citra 5. Upacara mengebumikan mayat dalam kalangan masyarakat Iban. Sumber:

www.google.com/search?q=mandi+ngubat&client=firefox- &source=lnms&tbn=isch&sa=X&ved=0ahUKewiUhdj4ld7TAhVHvi8KHQhPAQ4Q_AUIBygC&biw=1366&bih=659#tbn=isch&q=pemati+iban&imgcr=1bhplmgAV1GcM

Misalnya apabila mereka terdengar bunyi-bunyi burung yang semasa menguburkan mayat, mereka memercayai perkara tersebut adalah petanda atau *amaran*. Oleh yang demikian, untuk mengelakkan malapetaka yang dimaksudkan oleh bunyi burung tersebut menimpa rumah panjang maka mereka perlu mandi terlebih dahulu untuk membuang segala *badi*.

Hal ini bertujuan supaya segala roh-roh jahat tersebut akan tersingkir bersama dengan air siraman mandi dan tidak mengganggu penduduk di rumah panjang. Selain itu, terdapat juga pantang larang di *sesetengah* kampung yang akan membuka lantai di serambi rumah sebagai laluan kepada kumpulan ini naik ke rumah panjang. Setiap individu yang naik menggunakan laluan ini akan disiram dengan air.

iv.) Perkawinan terlarang

Istilah mandi yang terkandung dalam *entelah* juga merepresentasikan penanda penyucian yang mengungkapkan petanda kepada adat memandikan pasangan untuk *perkhawinan* terlarang masyarakat Iban. *Perkhawinan* terlarang diistilahkan kepada pasangan yang *berkahwin* menyalahi salah *silah* atau jadi *salah serak* dalam keluarga.

Misalnya anak saudara *mengahwini* bapa saudara atau anak saudara *mengahwini* ibu saudara. Jika keadaan ini berlaku, pasangan tersebut akan menjalani upacara-upacara ini

bagi mengelakkan malapetaka menimpa pasangan tersebut.

Bagi masyarakat Iban, mereka memercayai *bahawa perkhawinan* terlarang dalam masyarakat mereka harus menjalani istiadat mandi bersama darah babi bagi menyingkirkan segala *badi* dan sial.

Malah mereka juga mempercayai, malapetaka turut menimpa perkampungan. Malapetaka ini akan muncul dalam bentuk penyakit, hujan lebat dan banjir. Berikut merupakan gambar yang menerangkan tentang upacara memandikan pasangan yang berkahwinan *salah serak*:



Citra 6. Upacara memandikan pasangan untuk perkahwinan terlarang. Sumber:

<https://www.facebook.com/TibangKenang/photos/pb.252980494759772.-2207520000.1459737811./1014745085249972/?type=3&theater>

Upacara mandi untuk *perkhawinan* terlarang ini akan dimulai dengan mengadakan upacara miring terlebih dahulu di rumah panjang. Seterusnya pasangan tersebut akan dibawa ke sungai untuk dimandikan dengan penuh adat istiadat. Pasangan ini akan berada dihilir sungai, manakala ketua adat akan membacakan doa-doa dengan *piring* atau persembahan untuk memohon agar pasangan tersebut dihindari daripada segala bencana.

Selesai *sahaja* bacaan doa, seekor babi akan dibunuh di tebing sungai agar darah babi berkenaan mengalir ke hilir dan terkena pasangan yang sedang mandi. Perkara ini diistilahkan mandi darah babi.

Bagi masyarakat Iban, mandi darah babi ini bertujuan untuk menyingkirkan segala *badi* kesan daripada *perkahwinan* terlarang tersebut.

v.) **Upacara Perubatan**

Dalam masyarakat Iban, perlakuan mandi juga mempunyai petanda yang membawa maksud tersendiri dalam upacara *perubatan*.

Perubatan ini merangkumi penyakit yang berkaitan dengan individu yang dirasuk roh jahat, gila *disantau*, individu yang *dibomohkan* supaya menyukai insan lain dan sebagainya.

Sekiranya keadaan sedemikian berlaku, maka individu tersebut akan dibawa berjumpa dengan *bomoh*, *manang* atau pawang untuk menyingkirkan segala penyakit individu berkenaan. Pada entelah berikut jelas menunjukkan fungsi tanda perlakuan mandi yang menginterpretasikan kepercayaan ini:

No.	Entelah	Terjemahan
E4.	<p><i>Dinga ta nyau taung-taung panjung Tutung ngerubuhka tugung batu besegi,</i></p> <p><i>Ninga ta ensiat munyi Bujang Sigat,</i></p> <p><i>Dipandika Aya Manang Minggat,</i></p> <p><i>Di telaga ai nyadi.</i></p> <p><i>Menua:</i> <i>di tisi rumah richah rami, di tisi pengkalan padi</i></p> <p><i>Ulu Lungga:</i> <i>anang kiruh bejaku</i></p> <p><i>Ngelalaika:</i> <i>orang ngambuh duku</i></p>	<p>Kedengaran teriakan Tutung yang merobohkan longokkan batu bersegi,</p> <p>Kedengaran juga bunyi Bujang Sigat,</p> <p>Kerana dimandikan oleh Pawang Pak Cik Minggat di telaga air.</p> <p>Tempat: di tepi rumah yang riuh rendah, di tepi pengkalan padi</p> <p>Pembayang: tidak perlu bercakap</p> <p>Jawapan: orang menempa parang</p>

Pada kandungan pernyataan entelah E4, Bujang Sigat dimandikan oleh Pawang Pak Cik Minggat di telaga sungai. Jika teliti secara lahiriah,

perlakuan Pawang Pak Cik Minggat adalah memandikan Bujang Sigat di telaga.

Namun sebenarnya tindakan Pawang Pak Cik Minggat adalah memandikan Bujang Sigat bagi tujuan *mengubatinya*. Dalam pernyataan *entelah* tersebut jelas menggambarkan *bahawa* masyarakat Iban tradisional memercayai kebolehan *manang* atau pawang untuk menyingkirkan roh-roh jahat melalui upacara mandi.

Konklusi

Konklusinya, istilah mandi yang terkandung dalam *entelah* telah merepresentasikan penanda yang menginterpretasikan petanda berkaitan dengan pelbagai konsep mandi dalam masyarakat Iban. Jelaslah *bahawa entelah* tidak wujud dalam kekosongan malah *merakamkan* pelbagai perkara yang berkaitan dengan *sosiobudaya* masyarakat Iban menerusi tanda-tanda tertentu.

Referensi

- [1] Jensen, Erik. 1974. *The Iban and their Religion*. London: Oxford University Press.
- [2] Sutlive, V. H. 1978. *The Iban of Sarawak*. Arlington Heights: AHM Publishing Corporation.
- [3] Sukatman. 2009. *Butir-Butir Tradisi Lisan Indonesia, Pengantar Teori dan Pembelajarannya*. Yogyakarta: Laksbang Pressindo.
- [4] Tun Jugah Foundation. 2011. *Bup Sereba Reti Jaku Iban*. Kuching: Cardn Information Sdn Bhd.
- [5] Scott. 1972. *Five Approaches of Literary Criticism*. New York : Collier Books.
- [6] Pierce, Charles Sanders. 1965. *Collected Paper Charles Sanders Pierce* (Vol. I & II. Cambridge Massachusett: The Belknap Press of Harvard University Press.
- [7] Benedict Sandin. 1964. *Raja Durong*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- [8] Benedict Sandin. 1966. *Tusun Pendiau*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- [9] Benedict Sandin. 1980. *Iban Adat and Augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- [10] Patricia anak Ganing. 2013. *Analisis Entelah Dalam Masyarakat Iban*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- [11] Patricia anak Ganing. 2016. *Tanda, Penanda dan Petanda dalam Entelah Iban*. Tesis Doktor Falsafah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.